

Isikan dan lengkapkan karangan di bawah dengan jawapan yang disediakan.

|            |              |               |         |             |
|------------|--------------|---------------|---------|-------------|
| majalah    | pembelajaran | Minda         | penting | kreatif     |
| lapang     | menambahkan  | Kecil         | faedah  | cepat       |
| merangsang | surat khabar | berkomunikasi | negara  | pengetahuan |
| sejarah    | membaca      | Meluas        | amalan  | televisyen  |

**Tajuk: Faedah membaca**

Membaca adalah salah satu 1) \_\_\_\_\_ yang amat berfaedah. Mereka yang mempunyai tabiat ini dapat memperoleh banyak 2) \_\_\_\_\_ dan manfaat. Kita boleh membaca apa sahaja seperti buku pelajaran, buku cerita, novel, surat khabar, 3) \_\_\_\_\_ dan banyak lagi. Kita boleh 4) \_\_\_\_\_ di mana sahaja.

Seseorang yang suka membaca mempunyai 5) \_\_\_\_\_ yang sihat dan positif. Bahan bacaan seperti buku-buku ilmiah dan majalah boleh 6) \_\_\_\_\_ pemikiran kita. Oleh itu, pemikiran kita sentiasa 7) \_\_\_\_\_, kritis dan mempunyai wawasan. Amalan suka membaca juga boleh 8) \_\_\_\_\_ perbendaharaan kata. Misalnya jika banyak membaca buku cerita, novel dan majalah. Perbendaharaan kata kita akan 9) \_\_\_\_\_ sama ada dalam Bahasa Melayu mahupun Bahasa Inggeris. Selain itu kita ia juga dapat meningkatkan kemampuan kita untuk 10) \_\_\_\_\_ secara lisan ataupun bertulis.

Membaca juga boleh menambah 11) \_\_\_\_\_ kita.

Contohnya, jika kita suka membaca buku-buku tentang sains dan

12) \_\_\_\_\_, pengetahuan tentang konsep sains dan juga sejarah boleh ditingkatkan dan sekaligus membantu dalam proses

13) \_\_\_\_\_ di sekolah. Seterusnya, membaca boleh mengisi

masa 14) \_\_\_\_\_ kita daripada membuang masa dengan

bermain atau menonton 15) \_\_\_\_\_ sahaja. Oleh itu, masa

lapang kita tidak akan terbang dengan sia-sia.

Bagi sesiapa yang membaca 16) \_\_\_\_\_, mereka akan

mendapat banyak faedah antaranya mereka dapat mengetahui berita-

berita 17) \_\_\_\_\_, peristiwa-peristiwa semasa yang berlaku diluar

negara dan dalam 18) \_\_\_\_\_. Begitu juga ramalan cuaca, iklan-

iklan pekerjaan atau jual beli hanya dengan membaca sahaja kita akan

dapat mengetahui dengan 19) \_\_\_\_\_.

Kesimpulannya, tabiat membaca memang mempunyai banyak

faedah. Maka kita harus memupuk tabiat suka membaca ini sejak

20) \_\_\_\_\_ lagi. Bak kata orang bijak pandai, "Membaca Jambatan

Ilmu". Jadi kita hendaklah bijak menggunakan masa yang ada dengan

membaca.